

27 pelajar baru UTHM teruja beramal di zoo

JOHOR BAHRU – Seramai 27 pelajar tahun satu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Pagoh Jaya, teruja apabila berpeluang mendekati haiwan liar menerusi program insaniah ‘Insight Zoo’ di Zoo Johor, semalam.

Pengarah Projek, Siew Wei Teng, 21, berkata, program selama dua hari itu secara tidak langsung meningkatkan keyakinan diri peserta untuk berdepan cabaran sewaktu ditugaskan membersihkan kandang haiwan liar.

“Menerusi program ini pelbagai aktiviti dianjurkan termasuk gotong-royong membersihkan persekitaran zoo dan kandang haiwan seperti singa, harimau, rusa, burung dan haiwan lain.

“Aktiviti seperti ini bukan hanya memberi pengalaman baru buat kami, tetapi dapat meningkatkan keyakinan diri agar lebih berani,” katanya.

Bagi pelajar Tahun satu, Nurul Alyani Zainol Abidin, 20, mengakui penyertaan di dalam program itu membuatkan dirinya berasa teruja untuk menyertai lebih banyak aktiviti kemasyarakatan.

“Sebelum ini saya tidak pernah ikuti aktiviti seperti ini dan saya berasa amat teruja apabila berpeluang



Peserta program Insight Zoo bekerjasama mewujudkan UTHM Corner bagi menambah keceriaan Zoo Johor.

menyertai program Insight Zoo.

“Saya berasa amat seronok dan teruja untuk lakukan lebih banyak aktiviti berbentuk kemasyarakatan seperti ini,” katanya.

Sementara itu, Penasihat Program Insight Zoo, Hasniza Mustafa berkata, program anjuran Pusat Kokurikulum UTHM itu merupakan sebahagian daripada syarat lulus pelajar bagi kursus Khidmat Masyarakat.

“Ini merupakan program tahunan kita sebagai sebahagian daripada syarat lulus pelajar yang bertujuan me-

mupuk semangat insaniah dalam diri mereka.

“Dalam kursus ini merangkumi pelbagai elemen dan menerusi program ini kami ingin tonjolkan pendedahan mengenai alam sekitar agar mereka lebih menghargai perkara di sekeliling mereka,” katanya.

Katanya, peserta program turut mengambil inisiatif mewujudkan ‘UTHM Corner’ dengan menceriankan semula zoo berkenaan di samping mengedarkan risalah kempen sayangi haiwan kepada pengunjung.